



# Pengorbanan guru

*Barita Harian 12/10/20*  
Pelbagai insentif bukti jasa golongan pendidik dihargai

**S**UKAR mengukur nilai pengorbanan golongan guru terutama bagi mereka yang diamanahkan bertugas di jauh luar bandar apatah lagi di kawasan pedalaman.

Pengorbanan mereka yang sedia mengajar di kawasan berkenaan tiada tolok bandingnya kerana masing-masing sanggup menghadapi pelbagai kesukaran demi memastikan anak bangsa di sana turut mendapat hak sama rata dengan rakan di bandar.

Sejajar tema Hari Guru 2010, 'Guru Pembina Negara Bangsa', guru di kawasan luar bandar dan pedalaman menjadi harapan negara dan rakyat untuk melahirkan generasi berilmu, bermaruah dan berdaya saing.

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata peranan guru membentuk insan berkualiti berpaksikan tiga fokus iaitu memberi ilmu, mendidik dan membimbing.

Justeru katanya, ketika menerima amanah mengajar, mereka harus sedia berkorban dan sanggup berkhidmat di mana saja termasuk di pedalaman.

"Merujuk tema yang disifatkan relevan dengan tugas utama guru sebagai pendidik, apatah lagi dalam konteks membentuk keharmonian dalam negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan keturunan.

"Bertugas di pedalaman yang serba kekurangan tidak wajar dijadikan alasan mereka hilang semangat dan motivasi men-



**DR MOHD FUAD** (kanan) bermesra dengan ibu bapa pelajar Orang Asli ketika melawat Sekolah Kebangsaan Balar, Gua Musang, Kelantan, baru-baru ini.

gajar. Sebaliknya, kekurangan ini perlu dilihat sebagai cabaran untuk terus berjuang," katanya ketika ditemui di Putrajaya, baru-baru ini.

Mohd Puad berkata, pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan dilaksanakan bagi keselesaan dan kemudahan guru berkenaan.

Beliau berkata, satu demi satu insentif dan keistimewaan disalurkan kepada mereka termasuk berusaha menaik taraf dan membina kuarters guru di kawasan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak.

Kementerian katanya, akan memastikan kemudahan penginapan guru selesa dan selamat dalam usaha memastikan golongan berkenaan

**“ Bertugas di pedalaman yang serba kekurangan tidak wajar dijadikan alasan mereka hilang semangat dan motivasi mengajar. Sebaliknya, kekurangan ini perlu dilihat sebagai cabaran untuk terus berjuang ”**

**Dr Mohd Puad Zarkashi**  
Timbalan Menteri Pelajaran

terutama wanita mendapat perhatian wajar sejajar dengan pengorbanan mereka sebagai pendidik anak bangsa.

"Selain itu, Elaun Khas

Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan turut diberikan. Sehingga kini, sejumlah 12,687 guru menikmati elaun ini dengan kos pembiayaan bernilai



RM116.4 juta setahun.

"Pemberian Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) turut disalurkan, selain peluang kenaikan pangkat dan tawaran pengajian

ke peringkat lebih tinggi.

"BIP contohnya diberikan kepada guru mengikut kawasan dikategorikan sebagai pedalaman 1 (P1) dengan bayaran berjumlah RM500, pedalaman 2 (RM1,000) dan pedalaman 3 (RM1,500)," katanya.

Mohd Puad berkata, beberapa pendekatan baru bagi mengatasi masalah kekurangan guru di pedalaman akan dilaksanakan tahun ini, termasuk menetapkan kuota pengambilan 40 peratus guru Semenanjung dan masing-masing 30 peratus dari Sabah dan Sarawak.

Katanya, pelaksanaan itu bertujuan mengelakkan masalah pertukaran atau penghijrahan guru secara berterusan dan penetapan kuota juga secara tidak langsung memenuhi keperluan guru di negeri berkenaan.

Selain itu, beliau berkata, usaha pengagihan semula penempatan guru mengikut opsyen dilaksanakan khususnya guru Bahasa Inggeris, Sejarah dan Kemahiran Hidup kerana beberapa sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman berdepan masalah guru opsyen berkenaan.

"Usaha menyeimbangkan pengambilan guru lelaki dan perempuan dengan menetapkan nisbah 50:50 juga akan dilaksanakan tidak lama lagi bagi memastikan lebih ramai guru lelaki ditempatkan di kawasan pedalaman.

"Tidak timbul soal kita mengetepikan kualiti calon guru semata-mata ingin memenuhi nisbah ini kerana setiap tahun, bilangan pemohon lelaki yang memenuhi merit kelayakan mencukupi dan mereka bersaing," katanya.